

**BAHASA MELAYU SEBAGAI WAHANA PERPADUAN  
DI MALAYSIA**

Profesor Madya Dr. S. Kumaran  
Jabatan Pengajian India  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

INTERNATIONAL SEMINAR  
INDONESIA - MALAYSIA 2008  
Dianjurkan oleh  
Gadjah Mada University  
& Universiti Malaya  
di  
Yogjakarta  
27 - 29 May 2008

## **BAHASA MELAYU SEBAGAI WAHANA PERPADUAN DI MALAYSIA**

*Profesor Madya Dr. S. Kumaran  
Jabatan Pengajian India  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur*

### **ABSTRAK**

Bahasa Malaysia telah terbukti bahawa ianya boleh dijadikan bahasa Moden yang memainkan peranan sebagai wahana perpaduan di Malaysia. Apabila kita berbincang tentang bahasa Malaysia sebagai bahasa moden, sesungguhnya kita tidak dapat lepas daripada perbincangan tentang masyarakat penggunanya, iaitu kaum Melayu dan kaum-kaum lain yang bermastautin di Malaysia sebagai rakyat Malaysia yang bernaung di bawah “konsep kebangsaan” dengan bahasa Malaysia sebagai salah satu tonggaknya. Timbulnya keperluan terhadap bahasa Malaysia moden tidak lain disebabkan oleh berlakunya transformasi budaya yang dialami oleh rakyat dan negara Malaysia. Bahasa sebagai cerminan akal budi bangsa dan juga sebagai wahana pernikiran dan budaya tidak dapat dan tidak patut dipisahkan daripada apa-apa saja kegiatan dan aspirasi masyarakat dan negara. Dalam konteks kebangkitan semangat kebangsaan untuk menuntut kemerdekaan negara Malaysia, bahasa menjadi salah satu tunjangnya yang penting. Gerakan dan perjuangan menuntut kemerdekaan bukan sahaja berdasarkan isu politik dan ekonomi, bahkan juga berdasarkan isu bahasa, pendidikan dan kebudayaan. Dalam proses pembinaan semua tamadun manusia sangat, aspek bahasa ternyata menjadi salah satu tonggaknya. Oleh sebab itulah para pujangga lama menciptakan ungkapan beras seperti “Bahasa Jiwa Bangsa”, “Hilang Bahasa Lenyapliah Bangsa” dan “Bahasa Tidak Dijual Beli”. Demikianlah, tamadun Yunani atau Greek ditandai oleh kekuatan ahli-ahli falsafah seperti Socrates, Plato, Aristotle, dan yang lain dalam kajian dan pemerhatian terhadap hubungan bahasa dengan pemikiran, masyarakat, budaya, estetik, kenegaraan dan bidang-bidang kehidupan yang lain. Kertas ini juga membincangkan tentang Pembinaan bahasa dalam konteks Pembinaan Tamadun dunia. Usaha perancangan bahasa dan pembinaan negara turut difokuskan. Akhirnya, isu dan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam menjadikan bahasa Malaysia sebagai wahana perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa dikupaskan.

## **BAHASA MELAYU SEBAGAI WAHANA PERPADUAN DI MALAYSIA**

Apabila kita berbincang tentang bahasa Melayu sebagai bahasa moden, sesungguhnya kita tidak dapat lepas daripada perbincangan tentang masyarakat penggunanya, iaitu umat Melayu dan kaum-kaum lain yang bernaung di bawah “konsep kebangsaan” dengan bahasa Melayu sebagai salah satu tonggaknya. Timbulnya keperluan terhadap bahasa Melayu moden tidak lain disebabkan oleh berlakunya transformasi budaya yang dialami oleh umat dan negara kita. Bahasa sebagai cerminan akal budi bangsa dan juga sebagai wahana pemikiran dan budaya tidak dapat dan tidak patut dipisahkan daripada apa-apa saja kegiatan dan aspirasi masyarakat dan negara. Dalam konteks kebangkitan semangat kebangsaan untuk menuntut kemerdekaan negara ini, bahasa menjadi salah satu tunjangnya yang penting. Gerakan dan perjuangan menuntut kemerdekaan bukan sahaja berasaskan isu politik dan ekonomi, bahkan berasaskan isu bahasa, pendidikan dan kebudayaan juga.

Dengan demikian timbulah konsep “nasionalisme bahasa” dan konsep itulah yang menjadi asas penting dalam pembentukan konsep kenegaraan melalui dasar-dasar tertentu, terutama Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Apabila Jawatankuasa Pelajaran Razak mengusulkan dasar dan sistem pendidikan bagi negara yang bakal merdeka (Penyata Razak, 1956), jelas penekanan yang diberikan tentang peranan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama yang diharapkan dapat menyatukan generasi muda, selain penekanan kepada persamaan kurikulum, latihan perguruan dan bahan pengajaran. Malah pada tahun 1956 kerajaan telah mula mempersiapkan bahasa Melayu menjadi bahasa negara dengan menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya untuk melengkapkan bahasa tersebut daripada sudut korpusnya, iaitu peristilahan, sistem ejaan, tatabahasa, perkamusahan dan sebagainya.

Sementara bahasa Melayu menjadi salah satu asas kebangkitan nasionalisme dan asas tuntutan kemerdekaan di negara ini pada hampir setengah abad yang lalu, bahasa Melayu dalam zaman pengisian kemerdekaan menjadi salah satu asas pembinaan negara Malaysia sebagai negara membangun yang menuju ke era negara maju. Peranan tersebut terlaksana melalui penetapannya sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu, melalui undang-undang negara, iaitu Perlembagaan, Akta Bahasa Kebangsaan dan Akta Pendidikan. Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Perdana Menteri yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, negara tanpa bahasanya sendiri samalah negara tanpa roh kerana bahasa merupakan jiwa bangsa. Maka itu pembangunan negara tidak dapat tidak berasaskan bahasa juga, di sisi berasaskan sumber tenaga, keutuhan politik, ekonomi dan yang lain-lain.

Pembinaan Bahasa dalam Konteks Pembinaan Tamadun Dalam proses pembinaan semua tamadun manusia sejagat, aspek bahasa ternyata menjadi salah satu tonggaknya. Oleh sebab itulah para pujangga lama kita menciptakan ungkapan beras seperti “Bahasa Jiwa Bangsa”, “Hilang Bahasa Lenyaplah Bangsa” dan “Bahasa Tidak Dijual Beli”. Demikianlah, tamadun Yunani atau Greek ditandai oleh kekuatan ahli-ahli falsafah seperti Socrates, Plato, Aristotle, dan yang lain dalam kajian dan pemerhatian terhadap hubungan bahasa dengan pemikiran, masyarakat, budaya, estetik, kenegaraan dan bidang-bidang kehidupan yang lain. Tamadun Islam ditandai oleh bahasa wahyu yang berkembang menjadi bahasa penyatuannya aqidah dan syariah, serta berpengaruh kepada hampir seluruh tamadun dunia, termasuk tamadun Eropah dalam pengungkapan pelbagai bidang seperti sains, perubatan, dan matematik. Bahasa Melayu, yang menurut Prof. Dr. Syed Naquib Al-Attas baru betul-betul tampak jelas bentuknya apabila menjadi bahasa Islam, merupakan batu tanda munculnya satu tamadun atau peradaban yang dikenal sebagai tamadun Melayu. Peristiwa ini berlaku pada kira-kira abad ke-12 atau ke-13. Ciri terpenting yang mendasari konsep tamadun Melayu ini ialah wujudnya faham intelektualisme dan rasionalisme yang membebaskan pandangan hidup umat Melayu daripada dongeng dan khayalan kepada hakikat diri dan Penciptanya. Kedua-dua fahaman yang dirumuskan oleh Prof. Naquib itu tercenna pada bahasa Melayu yang disaluti oleh konsep-konsep Islam yang memang intelektual dan rasional.

Ciri lain yang menandai kemunculan tamadun Melayu ialah wujudnya satu sistem tulisan yang berwibawa yang memungkinkan terbinanya ragam bahasa persuratan dan yang memungkinkan penyebaran bahasa Melayu dengan cepat serta meluas ke seluruh ceruk rantau di Alam Melayu. Pentingnya ragam bahasa persuratan dapat kita fahami apabila kita sedari bahawa segala gagasan yang bersifat ilmiah, rasmi, dan estetik dirakamkan melalui bahasa persuratan yang kemas, teratur, dan mengandung keindahan. Pola-pola yang menjadi asas bahasa persuratan inilah yang mencerminkan sistem bahasa Melayu yang baku. Oleh itu, dapat pula kita lihat bahawa pembakuan bahasa Melayu adalah satu unsur penting dalam penjelmaan tamadun Melayu. Dengan demikian, dalam konteks pembinaan semula tamadun Melayu sekarang ini, usahlah hendaknya diragui atau dipersoalkan peranan bahasa baku dan pentingnya pembakuan bahasa.

Kita harus berpaling ke sejarah silam untuk membicarakan bahasa Melayu moden kerana dengan tidak mengenal sejarah, tidak mungkin timbul keyakinan akan keupayaan bahasa Melayu. Sebaliknya, dengan memahami hakikat bahawa tamadun Melayu tumbuh dan berkembang seiring dengan pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu, maka fahamlah kita bahawa pemodenan umat dan negara tidak mungkin sempurna tanpa pemodenan bahasa. Selain itu, dengan memahami bahawa bahasa Melayu telah dipersiapkan sebagai bahasa umat yang intelektual dan rasional, maka usaha ke arah pemodenan bahasa Melayu kini menjadi lebih mudah. Tepatlah kata Prof. Syed Naquib bahawa pemodenan yang dibawa oleh Barat ke dalam masyarakat kita dalam hal-hal saintifik tidak lain daripada penerusan yang

telah diasaskan oleh Islam, khususnya daripada segi kesediaan menerima konsep-konsep saintifik.

Satu perkara lagi yang tidak patut kita lupakan ialah hakikat bahawa bahasa Melayu telah mencapai taraf bahasa ilmiah, bahasa teknikal, bahasa pentadbiran, bahasa undang-undang, bahasa perhubungan diplomatik, dan bahasa sastera yang halus dalam zaman gemilang tamadun Melayu, iaitu zaman yang dikenal sebagai zaman bahasa Melayu klasik. Dengan asas yang kukuh ini, kita optimis akan keupayaan bahasa Melayu menjadi bahasa moden yang mampu menghadapi ujian zaman serta mampu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bahasa-bahasa moden yang lain.

Daripada segi teori perancangan bahasa pula, kajian tentang sejarah bahasa Melayu membuktikan bahawa bahasa Melayu telah memenuhi syarat untuk menjadi bahasa moden. J. A. Fishman (1972) sebagai salah seorang tokoh perancangan bahasa meletakkan empat syarat bagi sesuatu bahasa dipilih sebagai bahasa negara. Syarat-syarat tersebut ialah *historicity*, *ethnicity*, *autonomy*, dan *vitaliy*. Syarat pertama dipenuhi oleh bahasa Melayu yang mempunyai sejarah yang cukup panjang dan gemilang. Sebagaimana yang telah dibincangkan tadi, bahasa Melayu telah menjadi tanda munculnya dan wujudnya satu tamadun besar di rantau Alam Melayu. Syarat kedua tanpa ragu-ragu lagi sedia terpenuhi kerana bahasa Melayu adalah bahasa yang digunakan oleh bangsa Melayu yang menjadi penghuni rantau ini sejak ribuan tahun lalu, paling kurang sejak dua milineum lalu. Syarat ketiga dan keempat dipenuhi juga oleh bahasa Melayu kerana bahasa tersebut menjadi bahasa kerajaan, di samping menjadi bahasa dalam pelbagai bidang penting. Hanya apabila negara kita dijajah oleh Barat saja, khususnya Inggeris, barulah ciri *vitality* itu tercabar.

## **Perancangan Bahasa dan Pembinaan Negara**

Strategi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa moden dilaksanakan melalui perancangan bahasa, iaitu usaha secara sedar dan terencana untuk meningkatkan taraf sesuatu bahasa dan membinanya bagi tujuan mengisi taraf tersebut. Ada dua jenis perancangan bahasa, iaitu perancangan taraf bahasa dan perancangan korpus bahasa. Perancangan jenis yang pertama memberikan taraf tertentu kepada sesuatu bahasa, sementara perancangan jenis yang kedua membina bahan bahasa tersebut menjadi bahasa yang kemas sistemnya supaya dapat memenuhi taraf yang diberikan kepadanya.

Perancangan taraf bahasa Melayu melibatkan pemberian tiga taraf penting kepada bahasa Melayu. Masing-masing ialah taraf sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi,

dan bahasa pendidikan. Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan amat besar ertiinya, terutama sebagai lambang dan unsur penyatuan bangsa Malaysia. Tentu sukar diterima akal bahawa bahasa yang dinobatkan sebagai bahasa bagi 22 juta orang (dalam konteks Malaysia saja) tidak dapat menjadi wahana pemikiran moden, sedang transformasi budaya terus-menurus berlangsung. Oleh itu, taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan akan terus mengukuhkan potensi bahasa tersebut sebagai bahasa yang dapat berinteraksi dengan isu-isu dunia moden.

Taraf bahasa rasmi yang ditetapkan bagi bahasa Melayu pula menyediakan ruang yang cukup luas bagi bahasa Melayu berkembang dalam bidang-bidang profesional seperti pentadbiran, pengurusan, undang-undang, ekonomi, dan lain-lain. Hal ini demikian kerana menurut tafsiran Perlembagaan, istilah *rasmi* merujuk kepada segala urusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, dan Perbadanan Awam. Dengan tafsiran itu dan dengan andaian bahawa tafsiran itu berlaku sepenuh-penuhnya, maka tidak diragui bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa moden, iaitu bahasa yang dapat mengungkapkan konsep-konsep kehidupan moden. Dapat dikatakan bahawa seluruh konsep yang berkaitan dengan urusan rasmi kenegaraan mewakili kehidupan dunia moden. Yang menjadi soal ialah kemampuan dan kesediaan semua kalangan yang terlibat dalam pentadbiran negara menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi.

Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan atau bahasa ilmu menyediakan ruang yang cukup luas untuk kita memupuk bahasa tersebut sebagai bahasa moden. Hal ini demikian kerana asas kehidupan moden yang terpenting ialah ilmu. Bahasa yang mampu mengungkapkan hal ehwal ilmu dengan sendirinya adalah bahasa moden. Jelas bahawa dalam tempoh hampir setengah abad, bahasa Melayu telah berjaya menjadi penyalur dan pengembang ilmu hingga dapat bahasa tersebut dijadikan bahasa pengantar ilmu dari peningkat sekolah rendah hingga universiti. Tetapi terhasil puluhan, malah ratusan ribu tenaga kerja dalam pelbagai bidang yang membantu membangunkan negara dan sebilangan besarnya terdidik dalam sistem pendidikan kebangsaan yang berteraskan bahasa Melayu. Khazanah ilmu bahasa Melayu pun ternyata telah semakin kaya hingga dapat menjadi pengungkap pelbagai cabang ilmu, termasuk ilmu yang dianggap terkini seperti perubatan dan sains angkasa.

Dengan potensinya yang telah terbukti pada zaman gemilang tamadun Melayu-Islam sebagai bahasa ilmu, dan dengan dibantu oleh adanya Dasar Bahasa Kebangsaan serta Dasar Pendidikan Kebangsaan, bahasa Melayu kini sedang berada di landasan menuju kesempurnaan sebagai bahasa moden. Bahasa Melayu bukan saja dapat menjadi wahana penyebaran ilmu di peringkat persekolahan dan dalam bidang sains sosial, malah terbukti mampu menjangkau ke peringkat universiti dan masuk ke medan ilmu-ilmu sains tabii dan bidang teknikal. Singkatnya, bahasa Melayu dapat dijadikan bahasa perantaraan untuk komunikasi ilmu sejagat.

Sebagai strategi yang melengkapi perancangan taraf bahasa Melayu sehingga diadakatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu, agensi perancangan bahasa, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka serta institusi-institusi lain seperti universiti melaksanakan perancangan korpus bahasa. Perancangan korpus bahasa bertujuan memantapkan dan memperkemas sistem bahasa Melayu supaya berupaya menangani peranan dan cabaran yang dilaluinya sebagai bahasa yang diadakatkan. Dengan istilah lain, perancangan korpus bahasa ialah pembinaan bahasa atau kodifikasi bahasa. Aspek-aspek sistem bahasa yang diperkemas dan dimantapkan ialah ejaan, peristilahan, sebutan, kosa kata umum, tatabahasa, dan laras bahasa. Sehingga ini, proses pembinaan bahasa Melayu dalam semua aspek itu dapat dikatakan berlangsung dengan lancarnya sehingga dalam tempoh tidak sampai setengah abad sesudah kemerdekaan tercapai, bahasa yang diberi taraf bahasa vernakular oleh penjajah itu memperlihatkan sistem yang kemas dan mampu menghadapi tantangan dunia moden.

## **Isu dan Cabaran**

Perbincangan di atas seakan-akan memberikan gambaran bahawa tiada masalah apapun yang menghambat perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa moden. Pada hakikatnya tidaklah demikian kerana setiap perjuangan pasti ada cabaran dan rintangannya. Boleh dikatakan aspek-aspek positif perkembangan bahasa Melayu semata-mata untuk menunjukkan bahawa kita telah sedia mempunyai landasan yang kukuh. Tugas kita kini ialah memperkuuh dan melanjutkan iltizam menjadikan bahasa Melayu sentiasa seiring dengan perkembangan zaman. Dalam pada itu, rintangan yang ada perlu kita tangani dengan bijaksana.

Salah satu masalah pokok yang perlu kita bereskan ialah aspek dasar dan pelaksanaan dasar. Benar bahawa taraf dan kedudukan bahasa Melayu dilindungi oleh Perlembagaan, Akta Bahasa Kebangsaan, dan Akta Pendidikan. Namun sikap berpuas hati dan tindakan “euci tangan” semata-mata kerana dasar bahasa telah digubal akan hanya meletakkan bahasa Melayu setaraf dengan barang antik atau artifak yang dilindungi juga oleh akta pemuliharaan di bawah kawalan Arkib Negara dan Muzium Negara. Dasar yang tidak disusuli oleh pelaksanaan yang ikhlas dan bersungguh-sungguh hanya menjadi tanda hasil perjuang golongan nasionalis palsu atau perjuangan *pseudonationalist*.

Masyarakat yang berteknologi tinggi, masyarakat industri, dan masyarakat bermaruah seolah-olah ditandai dan diprasyaratkan oleh ciri “pintar berbahasa Inggeris”. Dengan bahasa Melayu, masyarakat dan negara, seakan-akan tidak mampu maju. Andaian dan kepercayaan seumpama ini timbul kerana kita tidak pernah menyatakan iltizam kita

tentang peranan bahasa Melayu dalam pencapaian Wawasan 2020. Memang tidak ada sama sekali ungkapan yang menyisipkan perencanaan kita untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa bagi bangsa yang bermaruah menjelang tahun 2020. Akhirnya bahasa Melayu akan lebih berperanan sebagai bahasa perhubungan sehari-hari atau digunakan untuk pembicaraan bidang sastera, seni dan yang segolongan dengannya, iaitu yang dikenal sebagai bidang kemanusiaan dan kemasyarakatan. Perancangan yang telah pun membawa hasil dalam menjadikan bahasa Melayu bahasa yang mampu menungkapkan bidang sains dan teknologi akan terencat.

## **Kesimpulan**

Bahasa Melayu telah mempunyai sejarah yang panjang lagi gemilang sebagai tonggak tamadun umat. Kini bahasa Melayu sedang mengulang sejarahnya. Tidak ada kesangsian bahawa bahasa Melayu telah memasuki era moden. Yang penting kita tanyakan kini bukan kemampuan bahasa Melayu, tetapi kemampuan setiap orang daripada kita sebagai pendukungnya untuk mengungkapkan fikiran dan perasaan dalam bahasa Melayu yang berwibawa.

## Rujukan

- Abdullah Hassan (ptj). 1999. *Perancangan Bahasa di Asia: Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1993. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Baliasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asraf (Ed). 1996. *Manifesto Budaya, Pupus Bahasa Pupuslah Bangsa*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. 1996. *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (Ed). 2001. *Siri Bicara Bahasa (Bil 1 – 6)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan (Ed). 2002. *Siri Bicara Bahasa (Bil 7 - 15)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Malaysia.
- Juriah Long. 2002. *Pendidikan Bahasa Melayu Antara Hasrat dengan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Petgata Razak. 1956.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.